

31/03/2002

Anak tiri rai hari jadi Anita

Badarsila

BAK seorang bintang, superstar Anita Sarawak melangkah masuk ke dewan ballroom Four Seasons Hotel, Orchard Boulevard, Singapura, malam Sabtu lalu dengan penuh anggun untuk meraikan hari lahirnya yang ke-50.

Tanpa merahsiakan usia sebenar, Anita tampak begitu yakin dan ceria sekali. Langkahnya diiringi genggaman erat dari suami tercinta, Mohd Mahathir Abdullah yang segar berkot biru. Anita kelihatan cukup elegan dengan kot dan seluar hitam sedondon. Sinar kebahagiaan terpancar jelas pada wajah pasangan yang baru tujuh bulan berkahwin itu.

Majlis eksklusif itu bermula tepat jam 8.30 malam sejurus selepas diva itu dan Mahathir melabuhkan punggung dan lampu dewan digelapkan. Ucapan kata-kata aluan dari pengacara majlis, Rudy Marican, benar-benar menyentuh hati Anita.

Ucapannya banyak berkisar mengenai perjuangan Anita yang tak kenal jemu di persada seni tanah air sekali gus mengangkat martabat artis Melayu di arena antarabangsa. Juga diselitkan perasaan bangga seluruh rakyat Singapura di atas pencapaian Anita yang begitu memberangsangkan dan betapa dia tetap dekat di hati pengikut setianya.

Ketika Anita pula berucap di depan hadirin, dia tidak dapat menahan sebak lantaran amat terharu. Anita menitikkan air mata dan mengambil beberapa minit untuk menenangkan dirinya kembali. Berkali-kali dia berkata, "Ini bukan air mata sedih tapi saya terlalu gembira malam ini!"

Ini satu senario yang jarang kelihatan kerana diva itu lebih terkenal dengan aksi lucu di pentas. Hakikatnya, Anita yang mempunyai lebih 20 album itu seorang yang cukup sensitif, apatah lagi ketika diraikan sedemikian hangat.

Menyentuh mengenai usia emas 50 tahunnya, Anita berkata, "Saya sangat gembira kerana anda semua adalah rakan-rakan yang istimewa. Saya amat menghormati persahabatan yang jujur dan saat-saat beginilah yang paling manis. Saya tidak akan lupakan hingga ke akhir hayat. Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana memanjangkan usia saya dan dapat terus menghiburkan anda serta mencurahkan keringat untuk kemajuan industri seni tanah air. Insya-Allah, jika terus diizinkan-Nya, saya akan terus menghiburkan masyarakat."

Anita juga melahirkan terima kasihnya kepada media yang begitu setia menyokong perjuangan seninya dan tidak jemu memberikannya liputan meluas, apatah lagi menjelang konsert terbesar di Stadium Bukit Jalil pada 7 April ini. Sekali lagi air mata penyanyi itu mengalir deras.

Paling mengejutkan pada majlis itu ialah kehadiran anak tunggal Mahathir iaitu Mathew, 16, yang baru saja tiba dari London pada sebelah pagi.

Menurut Mathew, inilah kali pertama dia bersua muka dengan ibu tirinya itu sejak ayahnya berkahwin. Mereka kini menjalinkan hubungan yang amat akrab dan Anita menganggap Mathew seperti darah dagingnya sendiri.

Mathew juga tampak kagum dengan sambutan yang diberikan kepada ibu tirinya itu dan mengakui banyak mendengar mengenai kehebatannya. Mathew kini melanjutkan pelajaran di sebuah sekolah berasrama penuh di Hampton, England.

Majlis eksklusif hari lahir Anita itu anjuran MYI International Pte. Ltd, sebuah syarikat produksi yang banyak menerbitkan program TV untuk saluran Suria 12 dan saluran TV serantau dihadiri kira-kira 60 tetamu.

Anita satu-satunya artis yang banyak terbabit dalam program MYI International. Malah dia dianggap sebagai aset dan ahli keluarga syarikat

itu. Majlis itu juga diadakan sempena lima tahun operasi MYI International yang diterajui Mohd Yusof Ismail.

Berucap di majlis berkenaan, Mohd Yusof merakamkan tahniah kepada Anita yang juga sahabat lamanya yang begitu mengambil berat, profesional dan kreatif.

Majlis yang bergemerlapan itu turut dihadiri Basir Siswo (Naib Presiden TV Suria), Othman Wok (bekas Menteri Hal Ehwal Masyarakat Melayu Singapura), Haron (pereka pakaian Anita), Hafeez Glamour dari Radio Ria, Zaibo, wakil dari Giftwell Gold dan TV Suria, rakan-rakan seperniagaan Anita dan adik Anita sendiri, Darita.

Selepas upacara memotong kek, Anita turut menyumbangkan suaranya melalui lagu Bengawan Solo yang mendapat tepukan gemuruh hadirin. Menurut Anita, lagu itu ditujukan khas buat suaminya, Mahathir. Walau hanya diiringi muzik minus-one, persembahan Anita tetap segar disulami jenaknya yang masih berbisa. Ada tetamu sempat berbisik, "Benarlah Anita dilahirkan sebagai anak seni sejati!"

(END)